

Mengenai makanan ayam sebenarnya boleh dibuat sendiri dari bahan-bahan utamanya iaitu Karbohidrat yang ada banyak di kampung. Makanan Ayam, sebagaimana juga keperluan bagi manusia mestilah mengandungi bahan-bahan asas yang mengandungi:

Carbohydrate, antara:

Beras, jagung, ubi kayu, sagu rembia, dedak padi, dll.

Protein:

Kacang, ikan dll

Multivitamins:

Sprulina powder

Pelbagai vitamins – boleh dibeli tapi mahal

Bahan awet (preservative):

Sodium benzoate

Agen pengikat (binding agent):

(supaya produk menjadi keras apabila ia kering)

Gum Accasia dibacuh dengan air supaya menjadi jeli dan masukkan semasa mengisar bahan kasar tadi.

Bahan-bahan kasar dihancurkan menjadi tepung (powder), dan bahan-bahan yang dibeli dalam bentuk powder dan juga cecair dimasukkan mengikut sukatan, misalnya seperti multi-vitamins dan bahan awet. Pengisaran - setelah bahan-bahan itu hancur seperti tepung, masukkanlah air panas secukupnya supaya adunan menjadi doh, dan doh ini pula dimasukkan ke dalam mesin membentuk pellets. Biasanya mesin ini dilengkapi dengan alat pamasan supaya pellets terus kering untuk terus ditimbang dan dibungkus.

Mesin membuat pellet sila rujuk MARDI

Multi-vitamins dan Sodium Benzoate ada di sini:

EURO PHARMA-CHEMO SDN BHD (Mrs. Tan)
2408 LORONG PERUSAHAAN SATU
PRAI INDUSTRIAL ESTATE
13600 PRAI, PULAU PINANG. TEL: 04-39911941

Cawangan:

No. 5, Jalan Astaka U8/82
Seksyen U8
TTDI Jaya, SHAH ALAM
TEL. 03-7846 1188 (Miss Adelne)
Fax: 03-7846 1663.

Sodium Benzoate ada di sini:

CHEONG KEE SDN BHD
109 JALAN SULTAN

50000 KUALA LUMPUR.. TEL.: 03- 20723886 / 20780232. Fax: 03- 20788199.

EUGENE CHEMICALS SDN BHD
51-B, JALAN RANGOON
OFF LEBUH BURMA
10400 PULAU PINANG
Tel. 04- 2260064. Fax: 04- 2268064

[Mrs. Khoo]

[Kedai runcit - Bahan Membuat Makanan & Minuman dan pelbagai Esen – boleh dibeli melalui Pos termasuk ke Sabah & Sarawak)]

Saya semasa memelihara ayam kampung ratusan ekor dulu cara mudah membuat makanan ayam adalah seperti berikut:

Ubikayu di rebus dibuang kulitnya direbus dengan air rebusan ikan, lemak ayam, yang diambil percuma di pasar.

Itulah yang diberi ayam makan setiap hari, gemuk-gemuk ayam semua.

Dedak padi diberi seminggu sekali.

Penjagaan kesihatan:

Pottasium permanganate, saya masukkan sedikit ke dalam air minuman untuk ayam itu minum, masuk saja setakat airnya berwarna jingga muda. *Pottasium permanganate* ini ada jual di farmasi.

Dua minggu sekali tahi-tahi ayam itu disembur dengan larutan Dettol, atau beli sendiri di kedai kimia bahan yang bernama *Chloro-phenol*, bancuh saja dengan air, sembur saja.

Tahi ayam itu juga supaya ia cepat kering dan tidak mendatangkan lalat, saya taburkan dengan *Calcium Carbonate powder* – ada dijual di Hardwares yang orang gunakan untuk plaster dinding bata bila membina rumah itu.

Sekarang ini kalau hendak buat makanan ayam secara professional, bila baca dari links berikut:

<http://www.lionsgrip.com/recipes.html>

<http://www.lionsgrip.com/topics.html>

Ini pula link pengurusan cara menternak ayam

<http://www.jphpk.gov.my/Malay/GAHP%20ayam%20daging.htm>